


Khamis, 20 Februari 2020 | 8:19pm



Tertuduh, Ajid Abdinah (kanan) didakwa di Mahkamah Khas Rasuah di Tawau, hari ini. - NSTP/Abdul Rahemang Taiming

Lima penjawat awam hadapi tuduhan rasuah

Oleh Abdul Rahemang Taiming
bhnews@bh.com.my

TAWAU: Lima penjawat awam yang masing-masing berkhidmat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) serta Pejabat Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Khas Rasuah bagi kes berlainan di sini, hari ini.

Abdul Halil Mohd Zin, 60; Zakariah Kirinu, 38; Roney Saimeh Sakah, 40, yang berkhidmat dengan PDRM; Ajid Abdinah (JPN) serta Aisah Batik (KPDNHEP) membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Abu Bakar Manat selepas pertuduhan dibacakan.

Abdul Halil berdepan tiga pertuduhan menerima suapan RM2,800 antara November 2014 hingga Mac 2015 daripada Helmi Abdul Hamid dan Muhammad Azmin Abdul Aziz sebagai dorongan bagi melepaskan sebuah kapal kayu atau kumpit yang membawa petrol untuk dieksport ke Filipina.

Ketika itu, tertuduh bertugas di Pejabat Kawalan Perjalanan (TCO) Pelabuhan Barter Trade di Tawau.

Aisah dituduh menerima rasuah RM500 daripada Hardeyansah Bahtiar pada Ogos 2017 di Jeti Pangkalan Polis Marin Wilayah 4 di Tawau, bagi melepaskan bot kayu dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (ketika itu) kerana kesalahan menyeludup 10 tong gas berisi cecair.

Ketika itu, dia adalah pegawai penyiasat kes berkenaan.

Zakariah berdepan tuduhan menerima suapan RM3,000 daripada Mohd Akhbar Azis pada April 2016 ketika menjadi Pegawai Pendakwa PDRM, kononnya bagi membantu Mohd Akhbar membuka jaminan kes senjata api dan menggugurkan kes pedang samurai terhadap bapanya, Azis Awang.

Roney Saimeh dituduh menerima suapan RM3,500 daripada Rostam Arsal pada April 2017 di Pejabat Cawangan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu sebagai dorongan menyelesaikan kes kemalangan yang disiasat mengikut Seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan tidak membuat pertuduhan berkenaan di mahkamah.

Ajid menghadapi tuduhan memalsukan dokumen apabila menggunakan dokumen palsu sebagai tulen iaitu Borang Daftar Kelahiran (Borang A) atas nama Adrianna Alanni Ajid di Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara, Lahad Datu pada April 2015.

Abdul Halil, Aisah, Zakariah dan Roney Saimeh didakwa mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Ajid didakwa mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 Kanun sama.

Mahkamah membenarkan empat daripada tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan deposit berbeza iaitu Abdul Halil (RM7,000), Asiah (RM4,000), Zakariah (5,000) dan Roney Saimeh (RM6,000) manakala Ajid dibenar diikat jamin RM7,000 berserta deposit RM3,000 dengan seorang penjamin tempatan.

Hakim turut memerintahkan semua tertuduh menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah sehingga kes selesai dan melapor diri di pejabat SPPR sekali dalam tempoh tiga bulan, selain tidak dibenar mengganggu saksi.

Abdul Halil diwakili peguam Dayang Aida Ku Amira Aminudin, Aisah dan Zakaria oleh peguam Mark Rosaidy Mohd Amin Jaafar, Roney diwakili peguam Mohd Fadzil Abd Karim manakala Ajid tidak diwakili peguam.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Faliq Basiruddin.

Abu Bakar menetapkan tarikh sebutan semula bagi kes Abdul Halil, Zakariah dan Aisah pada 16 April manakala Roney Saimeh serta Ajid pada 17 April untuk pengurusan dokumen.